



## LAWATAN AKADEMIK

Sepanjang Januari hingga Jun 2019, Jabatan telah menerima sebanyak 10 lawatan akademik yang terdiri daripada lapan Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan empat IPT swasta. Secara keseluruhan seramai 509 peserta yang terdiri daripada 31 pensyarah dan 478 pelajar terlibat dalam lawatan akademik ini. Program ini melibatkan pelajar daripada pelbagai jurusan, antaranya ialah jurusan ekonomi, perakaunan, kesihatan awam, pengurusan perniagaan, ukur bahan, sains, teknologi maklumat dan kewangan.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan, meningkatkan kefahaman pelajar dan berkongsi pengalaman DOSM dalam pengumpulan, pemprosesan dan penyebaran statistik rasmi negara. Antara topik yang dikongsikan adalah:

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Statistik Pembinaan</li> <li>- Rangka Pensampelan</li> <li>- Tenaga Buruh dan Pendidikan</li> <li>- Guna Tenaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Populasi dan Demografi -</li> <li>- Keluaran Dalam Negeri Kasar -</li> <li>- Statistik Perkhidmatan -</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Household Income and Expenditure</li> <li>- Household Income &amp; Current Poverty Level in Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Population Growth -</li> <li>- Career Talk: Data Scientist -</li> <li>- Malaysia's Economy: -</li> <li>- Gross Domestic Products</li> </ul>

**10**  
LAWATAN

**12**  
IPT

**31**  
PENSYARAH

**478**  
PELAJAR

Selain itu, terdapat juga Sesi Temu Mesra YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bersama dengan peserta program. Peserta turut berpeluang untuk bersoal jawab mengenai DOSM bersama YBhg. Dato' Sri Dr.






## PAMERAN

Objektif pameran diadakan adalah untuk mengukuhkan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan dan kegunaan statistik kepada seluruh lapisan masyarakat. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran Jabatan, survei dan banci yang sedang dan akan dijalankan. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang sesi pameran tersebut antaranya seperti pengenalan kepada kaedah dan aplikasi statistik, kuiz, permainan, silang kata dan sebagainya.

DOSM (Ibu Pejabat) telah menerima jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk menyertai pameran di sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak bagi tempoh sehingga bulan Jun 2019.







## STATISTICS TALK

*Statistics Talk* telah dianjurkan oleh agensi dan IPT bagi meningkatkan literasi statistik warga agensi dan pensyarah serta pelajar IPT untuk subjek yang terpilih. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif untuk merapatkan lagi hubungan strategik di antara DOSM dengan pihak yang telah mencapai persetujuan dalam Memorandum Persefahaman (MoU).

Justeru itu, sehingga Jun 2019, DOSM telah dijemput oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, BERNAMA dan Universiti Malaysia Terengganu untuk menyampaikan Pengenalan DOSM dan Statistik Kependudukan. Melalui program ini peserta akan lebih mengetahui tentang fungsi, peranan dan kepentingan DOSM dalam penjanaan statistik rasmi dan dapat meningkatkan pendedahan kefahaman mengenai statistik kependudukan. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang telah dan bakal dijalankan oleh DOSM.



21 Mac

Universiti Kebangsaan Malaysia

22 Mac

BERNAMA

16 April

Universiti Malaysia Terengganu





## MEDIA SOSIAL

DOSM telah menggunakan media sosial secara aktif sebagai medium komunikasi untuk menyebarkan statistik rasmi negara kepada masyarakat umum bermula tahun 2012. Semua produk DOSM diuar-uarkan pada hari siaran melalui *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* dalam bentuk infografik dan sinopsis penemuan utama. Aktiviti-aktiviti dan majlis DOSM turut dipaparkan untuk makluman umum.

Media sosial rasmi DOSM meliputi *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *Youtube* – *Department of Statistics Malaysia* atau *StatsMalaysia*, *MyCensus2020*, *FitDOSM*, *StatsRun*, *MyStatsDay* dan *ISIWSC2019*. Berikutan daripada penyampaian maklumat secara aktif melalui media sosial oleh pihak DOSM, bilangan *likers*, *followers* dan *subsribers* media sosial DOSM semakin bertambah dari semasa ke semasa. Justeru itu, berikut adalah statistik sehingga Jun 2019 (media sosial DOSM):

@StatsMalaysia

19,416 *likers*

@isiwsc2019

1,522 *likers*

@mycensus2020

1,934 *likers*



@MyStatsDay

1,361 *likers*

@StatsRun

2,632 *likers*

@fitDOSM

1,390 *likers*

@StatsMalaysia

3,551 *followers*

@StatsMalaysia

2,420 *followers*

@StatsMalaysia

182 *subsribers*



@isiwsc2019

412 *followers*

@isiwsc2019

124 *subsribers*

